

RMK-12 pacu usaha menjadikan Malaysia hab logistik serantau

BH- 30/10/2021 m/s: 11

Oleh Dr Izyan Munirah Mohd Zaideen
bhrencana@bh.com.my

Malaysia negara bertuah kerana mempunyai kedudukan strategik di laluan perdagangan dunia. Kerancangan industri maritim terutama sektor perkapalan dan pelabuhan menjadi tonggak kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menyumbang kepada peningkatan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pengurusan rantaian bekalan yang holistik amat penting untuk pembangunan kedua-dua sektor yang dilihat semakin berkembang pesat hari ini.

Bagi memastikan kelangsungan operasi penyediaan perkhidmatan yang komprehensif kepada pengguna, hab logistik yang moden berteraskan tekno-

logi Industri Revolusi 4.0 (IR 4.0) perlu dibangunkan.

Umumnya, Malaysia mempunyai tujuh pelabuhan utama yang mendukung kepada aktiviti perdagangan domestik dan global. Pengembangan berterusan sektor pelabuhan dan perkapalan negara, wajar diberi perhatian kerana ia titik utama terhadap keamanan pembangunan ekonomi.

Oleh yang demikian, kerajaan dan badan terbabit perlu lebih responsif serta proaktif dalam membangunkan sebuah hab logistik mapan yang berkeperluan tinggi. Perkara ini adalah seiring dengan pembangunan ekonomi yang dijana oleh pelabuhan di Malaysia.

Justeru, struktur tadbir urus koheren melalui perancangan dasar dan juga rangka kerja kawal selia secara komprehensif, adalah sangat penting untuk

menjadikan Malaysia sebagai hab logistik serantau.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bermatlamatkan 'Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan' yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka menjadi pemangkin dalam menjadikan negara sebagai pusat pengedaran serantau.

RMK-12 meliputi tiga tema dan empat pemangkin dasar serta 14 pemacu perubahan di mana ia turut menengahkan beberapa inisiatif bagi meningkatkan daya saing sektor pengangkutan dan logistik, dirangka bagi menjadikan negara sebagai hab logistik di rantau ini menjelang 2025.

Bagi merealisasikan Malaysia sebagai hab logistik yang menjadi tumpuan serantau juga dunia, usaha dalam meningkatkan kecekapan dan memanfaatkan pendigitalan dalam perkhidmatan perlu diambil.

RMK-12 menggariskan beberapa inisiatif bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan dan logistik serta menambah baik

infrastruktur dan kapasiti perkhidmatan pelabuhan sedia ada.

Dalam usaha menjadikan Malaysia hab logistik serantau, kerajaan dan pihak berkepentingan sebulat suara bersetuju untuk memudahkan segala urusan menjalankan perniagaan.

Ini termasuk menambah baik prosedur kawal selia bagi memudahkan cara pemain domestik serta menarik pemain global untuk menempatkan pusat operasi di negara ini.

Penyedia perkhidmatan logistik juga digalakkan untuk menerima pakai amalan terbaik dan teknologi baharu berteraskan IR 4.0 serta memperkenalkan kaedah baharu bagi menjalankan perniagaan.

Pendekatan pelbagai mod juga wajar diberi tumpuan untuk mewujudkan rangkaian logistik dan komunikasi yang bersepadu bagi memastikan rantaian bekalan yang cekap dan maju.


Tadbir urus strategik dalam mengawal semua aktiviti dalam rangkaian rantaian bekalan adalah teras utama dalam menjadikan Malaysia sebagai hab logistik serantau.

Dalam konteks ini, pengurusan rantaian yang berstruktur adalah komponen utama untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus membangun secara mapan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan terangkum.

Hab yang dibangunkan ini dijangka berfungsi sebagai pusat perhubungan tunggal kepada pelanggan berteraskan industri maritim yang inklusif serta menjadikan negara penyedia rangkaian bekalan global serta dapat melonjakkan lagi pelaburan di Malaysia.

Dengan adanya hab ini, sektor pelabuhan dan perkapalan juga dilihat berupaya menjadi tujahan utama kepada kebangkitan ekonomi negara pasca pandemik.

“ Kerajaan dan badan terbabit perlu lebih responsif serta proaktif dalam membangunkan sebuah hab logistik mapan yang berkeperluan tinggi ”



Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Maritim, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)